

PROGRAM BANTUAN BAYARAN CIMB - UNTUK PKS  
30 Julai 2020

No.	Soalan	Jawapan
1	Bilakah program moratorium automatik 6 bulan akan berakhir?	Program moratorium automatik 6 bulan akan <b>berakhir pada 30 September 2020.</b>
2	Apakah <b>Program Bantuan Bayaran CIMB</b> ini?	Program Bantuan Bayaran CIMB bertujuan untuk membantu pelanggan perniagaan seperti PKS daripada sektor yang paling terkesan.
3	Siapakah yang layak memohon untuk bantuan bayaran ini?	Kami mengalu-alukan permohonan daripada PKS yang menghadapi kesulitan dalam membuat bayaran balik semula pinjaman / kemudahan dengan CIMB. Semua permohonan tertakluk kepada penilaian dan persetujuan oleh pihak bank.  Untuk pelanggan bukan PKS dan korporat, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda untuk membincangkan pilihan yang ada.
4	Sekiranya saya tidak menyertai moratorium automatik 6 bulan sebelum ini, bolehkan saya menyertai Program Bantuan Bayaran CIMB?	Ya, anda boleh memohon untuk menyertai Program Bantuan Bayaran CIMB. Harap maklum bahawa semua permohonan adalah tertakluk kepada penilaian dan kelulusan oleh pihak bank.
5	Pinjaman / pembiayaan yang manakah termasuk dalam program ini?	Program Bantuan Bayaran CIMB ini ditawarkan untuk produk-produk yang berikut sahaja bagi pelanggan PKS:  - Pinjaman Berjangka - Pembiayaan Jangka-i - Overdraif - <i>Cash Line-i</i> - Semua Produk Pembiayaan Perdagangan

6	Apakah pilihan yang ada di bawah Program Bantuan Bayaran CIMB?	<p>Pilihan yang ditawarkan untuk Program Bantuan Bayaran CIMB adalah seperti berikut.</p> <p><b><u>Pinjaman Berjangka / Pembiayaan Jangka-i</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Hanya bayar bahagian faedah / caj keuntungan selama sehingga 12 bulan; atau</li> </ul> <p><b><u>Overdraf / Cash Line-i</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tempoh pembayaran semula selama sehingga 12 bulan untuk penyelesaian pokok dan faedah / caj keuntungan yang berlebihan.</li> </ul> <p><b><u>Semua Produk Pembiayaan Perdagangan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tukarkan bil perdagangan yang belum dijelaskan kepada pinjaman berjangka / pembiayaan berjangka-i dengan tempoh maksimum sehingga 5 tahun.</li> </ul>
7	Apakah langkah yang perlu diambil untuk menyertai program ini?	<p>Kami akan menghubungi para pelanggan dari sektor yang paling terjejas, mengikut rekod kami. Kami akan menelefon mereka dalam beberapa minggu yang terdekat.</p> <p>Sekiranya anda belum menerima sebarang panggilan dari kami sehingga 25 Ogos 2020, sila layari <a href="https://bizfinancing.cimb.com.my/">https://bizfinancing.cimb.com.my/</a> untuk mendaftarkan minat anda untuk menyertai dengan 2 langkah mudah ini.</p> <p><b>Langkah 1:</b> Isikan maklumat anda  <b>Langkah 2:</b> Muat naik penyata bank bagi 6 bulan terkini</p>
8	Bagaimanakah akan saya dimaklumkan tentang maklumat bayaran pinjaman / pembiayaan saya?	<p>Kami akan menghubungi anda dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh permohonan anda untuk memberikan maklumat bayaran pinjaman / pembiayaan anda.</p>
9	Bagaimanakah akan saya dimaklumkan mengenai status permohonan saya?	<p>Makluman mengenai status permohonan anda akan dikirimkan kepada anda dalam masa 10 hari bekerja setelah pihak bank menerima dokumentasi lengkap.</p> <p>Sekiranya permohonan anda diluluskan, kami akan mengeluarkan Surat Tawaran Tambahan (<i>Supplementary Letter of Offer</i> atau SLO) kepada anda.</p>

10	Apakah langkah yang perlu diambil untuk memberi persetujuan menerima tawaran bagi Surat Tawaran Tambahan (Supplementary Letter of Offer - SLO) tersebut?	<p>Untuk memberi persetujuan menerima tawaran SLO tersebut, sila tandatangani salinan pendua (<i>duplicate copy</i>) dan kembalikan SLO tersebut ke alamat di bawah atau Pengurus Perhubungan anda dalam tempoh 7 hari dari tarikh SLO. Sekiranya gagal membuat demikian, tawaran tersebut dianggap luput dan tidak lagi sah untuk diterima.</p> <p>CIMB Bank Berhad SME Banking, Credit Review &amp; Business Support Tingkat 23A, Menara CIMB Kuala Lumpur Sentral 50470 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</p> <p>Untuk syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd), sila berikan salinan sah yang diperakui (<i>certified true copy</i>) bagi resolusi Lembaga Pengarah anda yang membenarkan penerimaan tawaran SLO.</p>
11	Apakah perkara-perkara utama yang perlu diberi perhatian sekiranya saya menerima penyertaan ke dalam Program Bantuan Bayaran CIMB?	<p>Perkara-perkara di bawah akan berlaku jika anda memohon Program Bantuan Bayaran CIMB, tidak kira mana-mana produk yang anda miliki.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Faedah / caj keuntungan akan dikenakan dan diakru sepanjang tempoh program.</li> <li>2. Terma pembayaran semula anda yang telah disemak semula akan berkuatkuasa berdasarkan pada tarikh yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Tambahan (SLO) anda.</li> <li>3. Caj dan denda bayaran lewat akan dikenakan sekiranya anda terlepas membuat bayaran mengikut terma pembayaran yang telah disemak semula.</li> </ol>
12	Saya kini menyertai Program Moratorium Automatik 6 Bulan. Apakah yang akan berlaku dengan faedah / keuntungan terakru yang dikenakan semasa tempoh moratorium?	<p>Faedah / caj keuntungan terakru yang dikenakan selama moratorium automatik 6 bulan akan ditambahkan kepada baki pokok anda.</p> <p>Baki pokok baru anda akan menjadi lebih tinggi kerana ianya merangkumi faedah / caj keuntungan yang terakru.</p>
13	Apakah pilihan saya sekiranya permohonan untuk menyertai Program Bantuan Bayaran CIMB tidak diluluskan?	<p>Anda boleh memohon untuk Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS) melalui Bank Negara Malaysia (BNM). Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan SDRS dari:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="http://www.bnm.gov.my">www.bnm.gov.my</a>; atau</li> <li>• <a href="http://www.smeinfo.com.my">www.smeinfo.com.my</a></li> </ul> <p>Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensy berikut:</p>

		<p><b><u>Untuk Pemilikan Tunggal:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Agensi Kaunseling &amp; Pengurusan Kredit (AKPK) <a href="https://www.akpk.org.my/">https://www.akpk.org.my/</a></li></ul> <p><b><u>Untuk semua PKS:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>- MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) <a href="http://www.myknp.com.my">www.myknp.com.my</a></li><li>- CGC (Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad) <a href="http://www.cgc.com.my">www.cgc.com.my</a></li></ul>
--	--	--